

Ruj.Kami : ANM.PK.D/600-2/5(18)

Tarikh : 10 September 2019

Semua Ketua Jabatan Persekutuan /  
Ketua Pusat Tanggungjawab

Y.Bhg.Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan

## **ARAHAN PENUTUPAN BULANAN DAN INTERIM AKAUN KERAJAAN PERSEKUTUAN BAGI BULAN SEPTEMBER 2019**

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara diatas.

2. Bagi melancarkan penutupan bulanan dan interim bagi bulan September 2019, semua jabatan dibawah seliaan JANM Perak hendaklah memastikan semua proses pembayaran, terimaan, panjar dan transaksi perakaunan diselesaikan pada 30 September 2019.
3. Sehubungan dengan itu, berikut merupakan tindakan yang perlu dipatuhi oleh semua jabatan :-

### **A. ARAHAN PEMBAYARAN**

- i. Sila pastikan dokumen Arahan Pembayaran dilaksanakan sehingga **Perakuan 2** selewat-lewatnya jam **12:30 tengah hari** pada **30 September 2019**. Semua dokumen Arahan Pembayaran yang tidak dapat disempurnakan Perakuan 2 selepas 12:30 tengah hari boleh diselesaikan pada 01 Oktober 2019;
- ii. PTJ masih tertakluk kepada Arahan Perbendaharaan 103(a) iaitu pembayaran bil perlu disempurnakan dalam tempoh 14 hari.

### **B. TERIMAAN/HASIL KERAJAAN**

- i. Penyata Pemungut hendaklah dibuat **Perakuan 2** selewatnya-lewatnya jam **02:00 petang** pada **30 September 2019** dan **diperbankkan pada hari yang sama**;
- ii. Bagi terimaan/hasil yang diterima selepas pukul 02:00 petang, PTJ hendaklah mengeluarkan resit dan penyata pemungut sehingga Perakuan 2 pada hari yang sama dan **diperbankkan pada 01 Oktober 2019**.

### **C. PANJAR WANG RUNCIT & PANJAR KHAS**

- i. Tarikh akhir **Perakuan 2** Arahan Pembayaran bagi Reкупmen Panjar adalah pada **19 September 2019**. Sila pastikan **Perakuan 2** selesai dilakukan diperingkat PTJ selewat-lewatnya pada **jam 4.30 petang**;
- ii. Pungutan wang panjar di bank dan proses penerimaan reкупmen di Modul Panjar perlu diselesaikan selewat-lewatnya pada **25 September 2019**;
- iii. Sila pastikan **Kod GL Panjar : A2911101** dan **Kod Dana : G000** diguna pakai sewaktu membuat Penerimaan Reкупmen (C5); dan

- iv. Menjana **Laporan Senarai Dokumen bagi Proses Panjar Belum Selesai** di Portal iGFMAS. Sekiranya terdapat dokumen yang tersenarai di dalam laporan tersebut, PTJ **hendaklah menyempurnakan dokumen tersebut** sehingga **berstatus 80** atau **hapus pada 30 September 2019**.

#### **D. TRANSAKSI PERAKAUNAN**

- i. Memastikan Akaun Penyelesaian yang telah mendapat kelulusan daripada JANM Negeri Perak seperti berikut diselesaikan mengikut tarikh dan tatacara yang telah ditetapkan:
    - a. Tarikh akhir penggunaan **Akaun Penyelesaian A2991104 (Tempoh Peralihan Akaun Penyelesaian Wang Jaminan Pelaksanaan)** dan **A2991108 (Tempoh Peralihan Akaun Penyelesaian Lain-lain Deposit)** adalah pada **23 September 2019 jam 4.30 petang**. Sila pastikan **Perakuan 2** bagi Arahan Pembayaran yang terlibat dengan Akaun Penyelesaian tersebut selesai dilakukan mengikut tarikh yang telah ditetapkan; dan
    - b. Bagi **Akaun Penyelesaian L1311903 (Sumbangan Badan Berkanun)**, sila pastikan caruman KWSP dan Perkeso dibuat bayaran segera di dalam bulan yang sama sekiranya amaun tersebut telah dipotong daripada baucar gaji. Pihak PTJ hendaklah menyediakan baucar gaji dahulu dan kemudian menyediakan Arahan Pembayaran kepada KWSP & Perkeso.
  - ii. Memastikan **akaun deposit** dipertanggungkan dibawah **Dana Am (G000)**. Pihak PTJ perlu membuat pelarasan sekiranya menggunakan dana selain daripada G000;
  - iii. Memastikan **hasil am** dipertanggungkan dibawah **Dana Am (G000)** dan **tiada hasil yang berbaki debit**. PTJ perlu membuat pelarasan bagi transaksi hasil yang berbaki debit; dan
  - iv. Memastikan belanja tidak dipertanggungkan dibawah **Dana Am (G000)** dan **tiada belanja yang berbaki kredit**. PTJ perlu membuat pelarasan bagi transaksi perbelanjaan yang berbaki kredit.
4. Adalah diharapkan semua PTJ mematuhi arahan ini dan segala perhatian serta kerjasama daripada pihak tuan/puan adalah amat dihargai. Sebarang pertanyaan lanjut sila hubungi **Seksyen Operasi Jabatan Akauntan Negara Malaysia Negeri Perak**.

Sekian, terima kasih.

**SEKSYEN OPERASI  
JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA  
NEGERI PERAK**